

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[ AMPANG ]**

**TARIKH : 8 OKTOBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan langkah dan bantuan yang telah dan akan dijalankan ke atas isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak berdasarkan perincian Kementerian Dalam Negeri bahawa jumlah kanak-kanak tersebut mencecah 14 ribu dari tahun 2013 sehingga April 2014.**

## Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), akan bertindak menyelamatkan kanak-kanak sekiranya terdapat sebarang aduan berlaku pengabaian dan penderaan terhadap kanak-kanak. Tindakan yang diambil berdasarkan kepada perenggan 17(1), Akta Kanak-Kanak 2001. Kanak-kanak yang diselamatkan (jika disahkan sebagai warganegara asing) akan terus dirujuk kepada Jabatan Imigresen atau pihak kedutaan yang terlibat. Bagi kanak-kanak yang mempunyai ibubapa atau penjaga tetapi tiada dokumen pengenalan diri JKJ akan membantu menasihati ibubapa atau penjaga menguruskan permohonan Daftar Lewat Kelahiran kanak-kanak dengan kerjasama Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara.

Sekiranya ibubapa atau penjaga kanak-kanak tidak dapat dikesan maka kanak-kanak akan diberi perlindungan di institusi kebajikan.

Bagi menentukan status kewarganegaraan seorang kanak-kanak, bidangkuasa tersebut terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri dan KPWKM hanya memberi tumpuan dari aspek perlindungan kanak-kanak tersebut sahaja.